

Perbarisan Bulanan Komander Dan Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah No 6 Skn PU Kuantan

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/452-perbarisan-bulanan-komander-dan-majlis-serah-terima-tugas-pegawai-memerintah-no-6-skn-pu-kuantan

KUANTAN, 7 Jan 16 – Perbarisan Bulanan Komander Pangkalan telah diadakan di perkarangan padang kawad Pangkalan Udara Kuantan pagi ini. Perbarisan yang diketuai oleh Mej Mohd Radzi bin Osman TUDM telah dihadiri seramai 47 pegawai dan 376 anggota LLP serta 30 kakitangan awam.

Dalam perbarisan itu juga turut diadakan Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah No 6 Skn PU Kuantan iaitu di antara Lt Kol Nurhafis bin Abd Karim TUDM dan Mej Tengku Azriman bin Tengku Abdullah TUDM. Majlis penyerahan tersebut telah disaksikan oleh Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Hj Yazid bin Hj Arshad TUDM.

Selesai perbarisan, satu sesi bergambar telah diadakan antara Komander Pangkalan, anggota perbarisan dan anggota awam sempena menyambut tahun baru 2016.



